



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

BILANGAN 1 TAHUN 2022

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

TATACARA PENGURUSAN PENDAFTARAN ASET DI SISTEM iSPEKS BAGI JABATAN/PTJ KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan menjelaskan berkenaan semakan Aset di Jabatan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan semakan status aset alih di Jabatan bagi mengenalpasti status aset yang berada di Jabatan/PTJ.
- 2.2 Aset yang diterima melalui pembelian dengan wang kerajaan, yang disewa beli dengan wang kerajaan, yang diterima melalui hadiah, pindahan dan melalui proses perundangan atau perjanjian hendaklah didaftarkan di **Modul Aset Dan Inventori Sistem iSPEKS**.
- 2.3 Pengkelasan aset ini diperlukan bagi mengetahui status aset seperti senarai dibawah:
 - i) Aset telah didaftar di Sistem iSPEKS (Tiada sebarang kesilapan kod perakaunan)
 - ii) Aset telah didaftar di Sistem iSPEKS (terdapat kesilapan kod akaun/klasifikasi kod akaun AXXXXXXX atau BXXXXXXX)
 - iii) Aset telah didaftar di Sistem iSPEKS

- iv) Aset telah didaftar di Sistem iSPEKS (Aset yang dibeli menggunakan vot peruntukan jabatan lain)
- v) Aset yang tidak didaftar di Sistem iSPEKS (telah selesai membuat proses terimaan barang)
- vi) Aset yang tidak didaftar di Sistem iSPEKS disebabkan kesilapan kod perakaunan B0228XXX
- vii) Aset yang tidak didaftar di Sistem iSPEKS disebabkan kesilapan kod perakaunan B0228XXX (Aset yang dibeli menggunakan vot peruntukan jabatan lain)
- viii) Aset yang tidak didaftar (dibeli/diperolehi sebelum pelaksanaan Sistem iSPEKS)
- ix) Aset yang dibeli/diperolehi sebelum pelaksanaan Sistem iSPEKS dan didaftar secara manual

3. PENGURUSAN PENDAFTARAN HARTA MODAL DAN ASET BERNILAI RENDAH

- 3.1 Semua harta modal dan aset bernilai rendah hendaklah didaftarkan di **Modul Aset Dan Inventori (AIM) Sistem iSPEKS** .
- 3.2 Tindakan pendaftaran harta modal dan aset bernilai rendah hendaklah dilaksanakan seperti aliran proses di Modul AIM Sistem iSPEKS, sila rujuk laman sesawang ppnk.kedah.gov.my
- 3.3 Mencetak dan menyemak Laporan Aset Harta Modal Dan Aset Bernilai Rendah di Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman iSPEKS :
 - 3.3.1) Senarai Daftar Harta Modal - **KEW PA 4**
 - 3.3.2) Senarai Daftar Aset Alih Bernilai Rendah - **KEW PA 5**
- 3.4 Memastikan semua aset hendaklah didaftarkan di Modul Aset Dan Inventori (AIM) Sistem iSPEKS. Setiap aset hendaklah didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan aset. (Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, AM 2.3 – Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan)

- 3.5 Memastikan semua aset hendaklah dilabelkan dengan Barkod yang dijana dan dicetak dari **Modul Aset Dan Inventori (AIM) Sistem iSPEKS**.
- 3.6 Memastikan aset yang dibeli, diperolehi dan diterima didaftarkan dalam tempoh kewangan berkenaan.
- 3.7 Menyemak kewujudan **aset di lokasi** bersama-sama dengan **KEW PA 5 dan KEW PA 6**. Sekiranya terdapat perbezaan antara fizikal dan laporan, Jabatan/PTJ hendaklah menyediakan laporan berkaitan perbezaan tersebut secara berasingan.
- 3.8 Menyemak label pada setiap aset yang **wujud** di lokasi dan memastikan bahawa nombor siri pendaftaran yang **dilabel** itu bersamaan dengan **Laporan di Sistem iSPEKS**. **KEW PA 7** hendaklah dikemaskini dari semasa ke semasa apabila terdapat perubahan kuantiti, lokasi atau pegawai penempatan.
- 3.9 Menyemak status aset yang **tidak wujud** dilokasi. Sekiranya aset tersebut tidak wujud atau telah dilupuskan atau dipindahkan, proses **pengelasan aset, penyatuan aset, pengasingan aset** dan **pelupusan aset** di Sistem iSPEKS hendaklah dibuat bagi mengeluarkan data aset tersebut daripada Senarai Aset yang masih wujud.
- 3.10 Bagi memastikan perakaunan aset jabatan/PTJ dilaksanakan dengan lengkap dan teratur, jabatan/PTJ hendaklah memastikan tindakan seperti jadual berikut:

BIL.	STATUS PENDAFTARAN ASET	KEGUNAAN ASET	TINDAKAN JABATAN/PTJ
1.	Aset telah didaftar di Sistem iSPEKS (Tiada sebarang kesilapan kod perakaunan)	Digunakan untuk tujuan operasi dan pentadbiran Jabatan/PTJ	Memastikan barkod bagi pendaftaran aset dicetak dari Sistem iSPEKS

BIL.	STATUS PENDAFTARAN ASET	KEGUNAAN ASET	TINDAKAN JABATAN/PTJ
2.	Aset telah didaftar di Sistem iSPEKS (terdapat kesilapan kod kaun/klasifikasi kod akaun AXXXXXXX atau BXXXXXXX)	Digunakan untuk tujuan operasi dan pentadbiran Jabatan/PTJ	<p>Memastikan pelarasan jurnal ke kod akaun yang betul hendaklah dilaksanakan.</p> <p>Contoh: pembelian harta modal menggunakan kod akaun B0335101, sepatutnya menggunakan kod akaun A1435101 (Sila Rujuk Surat Arahan Operasi Bil. 11 Tahun 2020).</p>
3.	Aset telah didaftar di Sistem iSPEKS	Aset dipindah ke Jabatan/PTJ lain	Jabatan/PTJ perlu membuat proses pindahan lokasi aset di Modul AIM Sistem iSPEKS
4	Aset telah didaftar di Sistem iSPEKS (Aset yang dibeli menggunakan vot peruntukan jabatan lain)	Aset dipindah ke Jabatan/PTJ lain	Jabatan/PTJ perlu membuat proses pindahan lokasi aset di Modul AIM Sistem iSPEKS
5.	Aset yang tidak didaftar di Sistem iSPEKS (telah selesai membuat proses terimaan barang)	Digunakan untuk tujuan operasi dan pentadbiran Jabatan/PTJ	Memastikan barkod bagi pendaftaran aset dicetak dari Sistem iSPEKS.
6.	Aset yang tidak didaftar di Sistem iSPEKS disebabkan kesilapan kod perakaunan B0228XXX	Digunakan untuk tujuan operasi dan pentadbiran Jabatan/PTJ	<ul style="list-style-type: none"> i) Memastikan pelarasan jurnal ke kod akaun yang betul hendaklah dilaksanakan ii) Memastikan barkod bagi pendaftaran aset dicetak dari Sistem iSPEKS.

BIL.	STATUS PENDAFTARAN ASET	KEGUNAAN ASET	TINDAKAN JABATAN/PTJ
7.	Aset yang tidak didaftar di Sistem iSPEKS disebabkan kesilapan kod perakaunan B0228XXX (Aset yang dibeli menggunakan vot peruntukan jabatan lain)	Digunakan untuk tujuan operasi dan dipindahkan ke Jabatan/PTJ.	<ul style="list-style-type: none"> i) pelarasan jurnal ke kod akaun yang betul hendaklah dilaksanakan oleh jabatan yang melaksanakan perolehan ii) Memastikan barkod bagi pendaftaran aset dicetak dari Sistem iSPEKS. iii) Jabatan/PTJ perlu membuat proses pindahan lokasi aset di Modul AIM Sistem iSPEKS.
8.	Aset yang tidak didaftar (dibeli/diperolehi sebelum pelaksanaan Sistem iSPEKS)	Digunakan untuk tujuan operasi dan pentadbiran Jabatan/PTJ	Jabatan hendaklah membuat senarai bagi aset yang telah dikenalpasti kepada Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan untuk dibuat data migrasi dalam tempoh peralihan (bagi aset yang memenuhi kriteria pengiktirafan). Mohon Rujuk Surat Ruj:P.Kw.N(K)1668(14) bertarikh 26 Ogos 2021 .
9.	Aset yang dibeli/diperolehi sebelum pelaksanaan Sistem iSPEKS dan didaftar secara manual	Aset yang tidak didaftarkan secara manual atau di Modul AIM Sistem iSPEKS	Jabatan hendaklah membuat senarai bagi aset yang telah dikenalpasti kepada Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan untuk dibuat data migrasi dalam tempoh peralihan (bagi aset yang memenuhi kriteria pengiktirafan). Mohon Rujuk Surat Ruj:P.Kw.N(K)1668(14) bertarikh 26 Ogos 2021 .

4. HAL-HAL LAIN

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman, Jabatan/PTJ boleh merujuk kepada pihak berikut:

Helpdesk
Unit Perakaunan Dan Pengurusan Kewangan
Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Kedah
Emel : helpdesk1spek@kedah.gov.my
No. Tel : 04-7027789/7790/7791/7847

5. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMAKAIAN

Surat Pekeliling ini hendaklah diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan perlu dirujuk bersama Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Carta Akaun Akruan, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia serta dokumen-dokumen lain berkaitan yang dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah.

7. PENUTUP

Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL MAJID BIN SALLEH, (C.A.M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

Tarikh : **14 FEB 2022**

s.k. Yang Berhormat Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman

Pengarah Jabatan Audit Negeri Kedah Darul Aman.